KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	16.03.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kelahiran anak orang utan dirai

Oleh NOR AFZAN MOHAMAD YUSOF
afzan.yusof@mediamulia.com.my

PUSAT Hidupan Liar Semenggoh, terletak dalam hutan semula jadi dikenali sebagai Hutan Simpan Semenggoh baru-baru ini menerima kelahiran tiga ekor anak orang utan.

Menariknya salah satunya daripada ibu anak orang utan itu bernama Analisa yang turut dilahirkan di pusat berkenaan pada 1996.

Kelahiran spesis ini memang disifatkan sebagai berita menggembirakan dalam usaha perlindungan haiwan berkenaan.

Pusat Hidupan Liar Semenggoh terletak hanya 20 kilometer dari selatan Kuching, Sarawak. Pusat pemulihan orang utan terbesar di Sarawak ini adalah pusat hidupan liar yang menjadi pusat penghunian separa liar bagi orang utan.

LINDUNG KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Hutan ini memainkan peranan penting melindungi kepelbagaian hidupan liar dan tumbuhan di Sarawak dengan bertindak sebagai pusat latihan untuk orang utan.

Selama lebih 25 tahun, warden di Pusat Hidupan Liar Semenggoh melatih anak-anak orang utan yatim piatu atau diselamatkan daripada kurungan, untuk mengajar mereka cara hidup dan berdikari di persekitaran hutan belantara.

Pusat hidupan liar ini sekarang menempatkan sejumlah besar orang utan remaja dan dewasa muda separa liar. Ia kini sihat dan sedang membiak dalam hutan simpan semula jadi itu.

Ia turut menerima kunjungan orang utan separa liar yang berjaya dilepaskan ke hutan bersama anak masing-masing.

Orang utan menghabiskan kebanyakan masa merayau dalam hutan tetapi apabila sukar mencari makanan terutamanya semasa kekurangan buah-buahan dan tumbuhan yang boleh dimakan di dalam hutan, mereka akan kembali ke platform pemberian makan, untuk mendapatkan makanan.

PEMULIHARAAN ORANG UTAN DI SARAWAK

Diamanahkan melindungi keselamatan dan memulihara kepelbagaian biologi menakjubkan hutan Sarawak, Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk terus melindungi flora dan fauna Sarawak.

Antaranya ialah program pemulihara hidupan liar di Taman Negara Batang Ai, Sanktuari Hidupan Liar Lanjak Entimau dan kawasan-kawasan perlindungan Sebuyau-Sedilu-Lesong.

Tugas penting SFC yang lain meliputi eko-pelancongan, pendidikan pemuliharaan dan aktiviti pengibatan masyarakat yang dilaksanakan dari masa ke masa sebagai usaha mendapatkan sokongan bagi orang utan dan habitat mereka.

Kawasan hutan terjejas dalam habitat juga dikenali pasti untuk menjalankan aktiviti pemulihan seperti menanam semula spesies tumbuhan semula jadi.

Bagi menyokong semua aktiviti yang kian bertambah, SFC turut menjalankan program mengutip dana dan menganjurkan program tajaan hidupan liar dalam usaha membiayai dan menyokong pemuliharaan dan pemulihan haiwan ini.

Program tajaan orang utan secara maya ini dibuka kepada semua warga dunia. Ia turut menjadi saluran bebahan aktiviti pemuliharaan orang utan dijalankan di Sarawak.

Dana berkenaan digunakan dalam menyokong projek pemuliharaan, pendidikan dan pembelian makanan serta ubat-ubatan.



ANALISA bersama bayinya.



KELAHIRAN anak orang utan dianggap sebagai berita menggembirakan demi perlindungan spesies tersebut



HUTAN Simpan Semenggoh mengalu-alukan kunjungan pelawat.

PELANCONGAN MENGGALAKKAN PEMULIHARAAN

- Hutan Simpan Semenggoh mengalu-alukan kunjungan pelawat.
- Sesi memberi makan pada sebelah pagi (9.00-10.00 pagi) manakala petang (3.00-4.00 petang).
- Waktu ini adalah masa terbaik untuk pengunjung kerana mereka mungkin berpeluang melihat orang utan separa liar kembali ke platform pemberian makanan untuk menikmati makanan disediakan.
- Selain orang utan, ia juga jadi lokasi habitat flora dan fauna luar biasa seperti tupai gergasi, tupai kerdil, ungka dan unggas.